

Mahathir bangga dua pendaki muda negara tawan Everest

PUTRAJAYA 16 Mei - Penaung Kehormat Expedisi Demi Negara ke Everest 2004, Tun Dr. Mahathir Mohamad melahirkan perasaan bangga dengan kejayaan dua pendaki muda negara, Ahmad Reduan Rozali dan Muhammad Muqharabbin menawan puncak Everest.

Sambil mengucapkan tahniah kepada mereka, bekas Perdana Menteri itu berkata, kedua-dua pendaki tersebut

telah berusaha bersungguh-sungguh mengharungi pendakian tersebut dan berkat ketabahan, mereka akhirnya berjaya sampai ke puncak tertinggi dunia itu.

Meyakinkan

"Saya percaya ia akan meyakinkan semua anak muda iaitu jika mahu melakukan sesuatu kalau ada minat, ketekunan dan disiplin diri insya-Allah kita akan berjaya," katanya ketika ditemui

pada majlis perkahwinan anak bekas Timbalan Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Yaakob Zain di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kejayaan Ahmad Reduan dan Muhammad Muqharabbin yang mencatat sejarah rakyat Malaysia yang berjaya menjejakkan kaki ke puncak setinggi 8,848 meter itu.

Dr. Mahathir yang ditema-

ni isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali sebelum itu menyaksikan upacara persandingan pasangan pengantin iaitu Harris Yaakob dan Shariza Abdul Ghani.

Semangat

Menurut beliau, masih banyak cabaran lain yang mesti dicuba oleh golongan muda negara ini jika mereka mempunyai semangat seperti yang ditunjukkan oleh Ahmad Reduan dan Muhammad Muqharabbin.

Menurutnya, selepas kejayaan menawan puncak Everest, cabaran baru yang boleh dilakukan ialah menakluki Kutub Selatan pula.

"Tidak semestinya naik gunung, mereka boleh melakukan cabaran lain seperti berenang atau pergi ke Kutub Selatan," ujarnya.

Tegasnya, dengan semangat dan kesungguhan, beliau yakin cabaran tersebut akan dilakukan oleh golongan muda negara ini sehingga berjaya.



AHMAD Reduan Rozali (kiri) dan Muhammad Muqharabbin Mokhtaruddin menunjukkan isyarat bagus di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Sepang sebelum berlepas ke Kathmandu, Nepal pada 15 Mac lalu. — Gambar MOHD. NOOR AMIN